



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333
Faks : 603-8882 4224
Telex : FEDTRY MA 30242
Web : www.mof.gov.my

SULIT

MOF.600-40/3/3 JLD2(S)(2)

29 Mac 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2023 KEPADA
INDIVIDU *CONTRACT FOR SERVICE***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri melalui pembentangan Belanjawan 2023 telah mengumumkan bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2023 sebanyak RM700.00 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai/kakitangan lantikan kontrak. Selaras dengan keputusan tersebut, Kerajaan bersetuju untuk memanjangkan BKKA Tahun 2023 sebanyak RM700.00 kepada individu *Contract For Service* (CFS) setara gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 17 April 2023 dan telah dilantik sebelum 17 April 2023.

3. Selain itu, bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara CFS dan masih berkhidmat pada 17 April 2023 layak dibayar BKKA Tahun 2023 sebanyak RM700.00. Pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya sebanyak RM350.00 akan dibayar oleh jabatan di mana individu CFS sedang berkhidmat.

SULIT

SULIT


4. Individu CFS yang meninggal dunia pada 17 April 2023 layak diberi BKKA Tahun 2023 sebanyak RM700.00.
5. Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada:
 - (i) Individu CFS yang ditamatkan kontrak perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 April 2023; dan
 - (ii) Individu CFS yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 April 2023.
6. BKKA Tahun 2023 akan dibayar pada **17 April 2023** di bawah tanggungan Kementerian/ Jabatan di mana individu CFS berkhidmat pada tarikh pembayaran.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)

SULIT

s.k.:

YBHG. TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

YBHG. DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 13, Blok C1, Komoleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA

YBHG. DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA

Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA

SULIT